

TANAH GAMBUT

- Melebihi 65 peratus kandungan organik
- Kedalaman 50 cm
- Melebihi 2.6 juta hektar

Kebakaran hutan gambut punca jerebu

Bacaan IPU catat status kualiti udara tidak sihat lebih 100 di beberapa kawasan sekitar Lembah Klang



Pelbagai pihak turut bertungkus-lumus memadamkan kebakaran di Hutan Simpan Kuala Langat Selatan daripada terus merebak.

KUALA LANGAT - Jerebu yang melanda di sekitar Lembah Klang pada masa ini adalah berpunca daripada asap kebakaran yang berlaku di beberapa kawasan di Semenanjung Malaysia termasuk kebakaran hutan tanah gambut di Kuala Langat dan Sepang.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Banting, Mohd Jaslizad Jilil berkata, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) turut mengeluarkan kenyataan keadaan jerebu di Lembah Klang turut dikaitkan dengan kebakaran tanah gambut Hutan Simpan Kuala Langat Selatan yang berlaku sejak 1 April lalu melibatkan 20 hektar kawasan.

Menurutnya, pelbagai pihak masih di lokasi kebakaran hutan tersebut bagi mem-

bantu memadamkan api daripada terus merebak.

Beliau berkata, kerja pemadaman api memakan masa seminggu, namun bergantung kepada cuaca dan saluran air dari telaga tiub.

"Kita juga bersedia sedia membuat parit dengan menggunakan jengkaut bagi mengelak api merebak," katanya.

Mengikut kenyataan NRE, buat masa ini tiada pengaruh jerebu merentas sempadan kerana negara masih berada dalam musim peralihan monsun yang dijangkakan hingga pertengahan Mei depan.

Mohd Jaslizad turut mengingatkan semua pihak agar tidak melakukan pembakaran terbuka dan melaporkan kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan

Penyelamat menerusi talian 999 dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, 1-800-88-2727.

Dalam pada itu, sehingga semalam, bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) menunjukkan status kualiti udara tidak sihat iaitu IPU melebihi 100 di beberapa kawasan di Lembah Klang disebabkan pencemar ozon aras bumi (O3).

Kedadaan cuaca panas terik dan peningkatan pencemar nitrogen oksida (NOx) dan Sbatian Organik Meruap (Volatile Organic Compound, VOC) turut menyumbang kepada peningkatan IPU ini.

Berdasarkan laporan Jabatan Meteorologi Malaysia sehingga 20 April, daerah Klang dan Kuala Selangor tidak mengalami hujan selama lapan hari berturut-turut.

Hutan Simpan Raja Musa terbakar

Lebih 24 hektar kawasan terjejas dikesan berpunca daripada bara unggun api merebak tidak dipadam sempurna

BESTARI JAYA - Gara-gara tidak memadam unggun api dengan sempurna ketika musim kering, lebih 24 hektar kawasan Hutan Simpan Raja Musa terbakar akibat bara yang merebak ke kawasan tanah gambut, sejak Ahad lalu.

Pengurus Bencana Daerah Kuala Selangor, Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor berkata, kebakaran mula dil kesan di kawasan pokok rendah dengan kedalaman tanah gambut sedalam sehingga empat meter.

Guna dron tinjau kawasan

Shamsul Shahril Badliza menjelaskan, pihak pengurusan bencana kerajaan negeri menggunakan teknologi dron UAV untuk melihat keseluruhan kawasan yang terjejas di kawasan hutan itu.

Memerutnya, untuk operasi hari ini (semalam), pasukan Maritim dengan pesawat jenis Bombardier melibatkan 15 kali water bombing di lokasi kebakaran dengan melepaskan kira-kira 6,000 liter air setiap kali dan dipaparkan dari pesawat dan akan masuk ke kawasan lebih dekat memandangkan

Beliau yang juga Pegawai Daerah Kuala Selangor berkata, operasi itu dimulakan jam 6 petang keharini, melibatkan 16 renjer hutan, anggota bomba dan unit bencana di kawasan terjejas.

Beliau yang juga Pegawai Daerah Kuala Selangor berkata, operasi itu dimulakan jam 6 petang keharini, melibatkan 16 renjer hutan, anggota bomba dan unit bencana di kawasan terjejas.



Lokasi kebakaran di Hutan Simpan Raja Musa, Kuala Selangor.

lokasi hanya boleh dilalui bot. "Selain itu, kaedah pembuangan terawal menggunakan pemern air yang dimasukkan dalam bot turut digunakan bagi memadamkan kebakaran yang terlewat.

Beliau berkata, hasil kerja



Shamsul Shahril Badliza (dua, kanan) bersama Ruslan melihat lokasi kebakaran melalui rakaman dron.

daratan dan bantuan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), 10 set pam air digunakan di kawasan lokasi berhampiran manakala pihak Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan bomba memadamkan lokasi.

Shamsul Shahril Badliza berkata, cabaran cukup besar yang perlu dihadapi ketika operasi memadamkan kebakaran.

"Kami harap dapat kawal situasi lebih awal memandangkan pada kes kebakaran hutan 2014, lebih 400 hektar kawasan terjejas. Kami tak mahu menyusul kali ini lebih teruk," katanya.

"Setakat ini sudah lebih



Shamsul Shahril Badliza berkata, cabaran cukup besar yang perlu dihadapi ketika operasi memadamkan kebakaran.



Shamsul Shahril Badliza berkata, cabaran cukup besar yang perlu dihadapi ketika operasi memadamkan kebakaran.

Shamsul Shahril Badliza (dua, kanan) bersama Ruslan melihat lokasi kebakaran melalui rakaman dron.

Sinar Mingguan, 23 Mac 2016

Community

Wednesday, 23 November 2016

Action plan to combat haze

BY GERYL OGILVY



Between February and March this year, peat fires in Kuala Baram had caused haze in Miri, with the air pollutant index readings reaching a hazardous levels.



KUCHING: An integrated action plan and enforcement on open burning, involving

LUXURY HAS A NEW ADDRESS

Latest News

- KL traffic in the palm of your hands
- Carpark dispute at Sea Park apartment drags on
- Council shelve 100%-consent rule for G&G schemes in Klang
- Penang flea market offers wide range of one-of-a-kind collectibles
- Raising awareness about endometriosis

Most Viewed in Metro

- KL traffic in the palm of your hands
- Carpark dispute at Sea Park apartment drags on
- Council shelve 100%-consent rule for G&G schemes in Klang
- Before you apply for a housing loan

Metro, 23 November 2016

RIAU, 2008



PROGRAM MENCEGAH KEBAKARAN DAN PENGURUSAN TANAH GAMBUT YANG SERING TERBAKAR BAGI MENGATASI JEREBU

Telah dilaksanakan di negeri yang mempunyai kawasan tanah gambut yang sering terbakar, iaitu Negeri Selangor, Pahang, Johor, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Program NBOS, bagi mengembelinkan kepakaran dari Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM). Agensi lain yang terlibat adalah Majlis Bandaraya Miri, Pejabat Residen Miri dan Jabatan Perhutanan Negeri (Selangor & Sabah)


PROGRAM MENCEGAH KEBAKARAN DAN PENGURUSAN TANAH GAMBUT YANG SERING TERBAKAR BAGI MENGATASI JEREBU

Projek Pembangunan dibawah Rancangan Malaysia (RMK) ini di bawah tajuk *Projek Pembinaan Dan Menaiktaraf Infrastruktur Bagi Mencegah Kebakaran Tanah Gambut Untuk Mengatasi Jerebu* melibatkan pembinaan infra struktur seperti sekatan saluran (*check dam*), telaga air tanah (*tube well*), menara tinjau, kolam takungan dan saluran paip air. Tujuan projek ini adalah untuk mengekalkan paras air bagi melembabkan tanah gambut supaya tidak mudah terbakar dan memudahkan pihak BOMBA memperolehi sumber air bagi kerja-kerja pemadaman.

PERUNTUKAN MENGIKUT AGENSI RMKe-9, 10 dan 11

AGENSI	PERUNTUKAN MENGIKUT AGENSI (RM)										JUMLAH
	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	
JMG	666,510	2,500,000	947,000	2,249,000	2,039,000	3,525,500	3,494,169	2,592,000	3,910,000	2,750,000	24,673,179
JPS	399,960	345,000	371,800	264,000	641,000	2,882,000	2,951,411	856,000	1,409,060	1,949,220	12,069,451
J. HUTAN SELANGOR	-	-	-	-	70,000	590,000	500,000	-	820,000	550,000	2,530,000
JPSM	690,000	-	-	2,000	22,000	20,000	20,000	-	-	-	754,000
J. HUTAN SABAH	-	60,000	6,200	30,000	30,000	130,000	380,000	15,000	330,000	190,000	1,171,200
MBM	-	360,000	-	60,000	100,000	30,000	55,000	15,000	17,000	-	637,000
JAS	-	52,000	35,000	33,000	47,000	105,370	523,444	102,500	388,440	530,780	1,817,534
RESIDEN MIRI	-	-	-	-	131,000	50,000	-	-	-	-	181,000
MET	-	-	70,000	-	-	-	-	-	-	-	70,000
JUMLAH	1,756,470	3,317,000	1,430,000	2,638,000	3,080,000	7,332,870	7,924,024	3,580,500	6,874,500	5,970,000	43,903,364

PETA KAWASAN TANAH GAMBUT DAN LOKASI INFRASTRUKTUR



PETA KAWASAN TANAH GAMBUT DAN LOKASI INFRASTRUKTUR



PENCAPAIAN OUTPUT-OUTCOME, RM Ke-10 (SASARAN VS SEBENAR)

OBJEKTIF KAJIAN	INDIKATOR PENCAPAIAN			
	OUTPUT		OUTCOME	
	SASARAN	SEBENAR	SASARAN	SEBENAR
Menilai keberkesanan projek didalam mengurangkan kejadian pembakaran terbuka dan kesan pencemaran di kawasan tanah gambut yang boleh menyebabkan jerebu	Pembinaan 150 sekatan saliran	Telah bina 152 sekatan saliran (101%)	50% pengurangan titik panas	60% pengurangan kos pemadaman kebakaran
	Pembinaan 40 telaga air tanah	Telah bina 43 telaga air tanah (108%)	50% pengurangan aduan pembakaran terbuka	65% pengurangan titik panas
	Pembinaan 4 buah menara tinjau	Telah bina 4 buah menara tinjau (100%)	50% pengurangan masa pemadaman kebakaran	65% pengurangan aduan pembakaran terbuka
	Pembinaan 4 buah kolam takungan air	Telah bina 5 buah kolam takungan air (125%)	50% pengurangan tempoh kerja-kerja pemadaman kebakaran	60% pengurangan tempoh kerja-kerja pemadaman kebakaran,
	Pemasangan 2km saluran paip air	Telah pasang 2km saluran paip air (100%)	50% penjimatan kos kerja-kerja pemadaman	60% pengurangan kos kerja-kerja pemadaman
	Perolehan 7 unit pam mudah alih	Telah terima 7 unit pam mudah alih (100%)		
	Pemasangan 400 unit papan tanda larangan pembakaran terbuka	Telah pasang 400 unit papan tanda larangan pembakaran terbuka (100%)		
	<i>1 Standard Operation Procedure (SOP) diterbitkan</i>	<i>1 Standard Operation Procedure (SOP) diterbitkan</i>		
	4 kali mesyuarat dengan agensi setahun	15 kali mesyuarat dengan agensi setahun		
	900 Bilangan pelaporan	1068 bilangan pelaporan		

CHECK DAM DAN TUBE WELL



MENARA TINJAU DAN KOLAM



PAIP AIR DAN PAPAN TANDA



AWS (Automatic Weather Station) DAN PAM MUDAH ALIH



GEOFIZIK




UJI CUBA SOP



PENGOPERASIAN TELAGA AIR TANAH, SEKATAN SALIRAN, MENARA TINJAU DAN PAPAN TANDA



STANDARD OPERATION PRESEDURE (SOP) YANG DITERBITKAN



Kajian outcome telah berjaya mencapai objektifnya berdasarkan indikator pencapaian. projek ini telah melebihi sasaran pencapaian fizikal dan perbelanjaanya, iaitu fizikal sebanyak 102.9 peratus dan purata perbelanjaan tahunan 99.3 peratus. Tempoh pepadaman kebakaran juga dapat dikurangkan sebanyak 60 peratus seterusnya menjimatkan kos sebanyak RM2,620,700.00 setahun dan penjimatan sebanyak RM13,103,500.00 bagi tempoh RMKe-10. Selain itu aduan pembakaran terbuka oleh orang awam dan pengesanan titik panas juga telah berkurangan sebanyak 65 peratus di dalam kawasan projek.

a)Kelembapan tanah gambut menyebabkan ia sukar terbakar dan dapat menghindari berlakunya jerebu sekali gus mengurangkan pelepasan gas rumah kaca;

b) Keselesaan hidup dapat dipertingkatkan dengan kualiti udara yang baik;

c) Komitmen kerajaan kepada rakyat dan negara luar bagi menangani masalah kualiti udara dapat dipertingkatkan dengan pelaksanaan projek;

d)Meningkatkan kerjasama antara agensi di bawah NRE dan lain-lain Agensi; dan

e)Meningkatkan kesedaran awam terhadap penjagaan alam sekitar

ISU DAN CADANGAN PENYELESAIAN

BIL.	ISU	CADANGAN PENYELESAIAN
1.	Cuaca tidak menentu akibat pengaruh al-nino pada tahun 2014/2015	Maklumat cuaca secara harian diperolehi daripada METMalaysia sebagai persediaan.
2.	Gangguan oleh penduduk setempat dengan merosakkan infra struktur yang dibina	Pemasangan papan tanda, pertemuan dan perbincangan dengan pemimpin setempat lebih kerap diadakan. Aktiviti seperti Uji Cuba SOP Program turut dilaksanakan melibatkan komuniti setempat.
3.	Komitmen Agensi pelaksana menyiapkan projek	Prestasi projek turut dipantau oleh NRE di Mesyuarat Pembangunan NRE dan J/K Penyelarasan peringkat negeri diwujudkan. Kesedaran awam juga dipupukkan kepada Agensi terlibat.
4.	Kawasan sering terbakar terlalu luas 2,600 hektar	Projek difokuskan kepada kawasan yang kritikal seperti berhampiran dengan lapangan terbang, lebuh raya, penduduk padat, negara jiran dan memerlukan peruntukan berterusan

Secara umumnya projek ini memberi kesan yang positif di dalam penjagaan alam sekitar terutama menangani permasalahan jerebu peringkat tempatan. Maklumbalas yang diterima dari BOMBA, Pejabat Tanah Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Tempatan, JPAM, anggota RELA dan pemimpin masyarakat juga adalah amat baik. Di samping itu program ini bukan sahaja memperlihatkan kesungguhan Kerajaan yang sentiasa komited untuk mengatasi masalah jerebu, malah Kerajaan juga komited bersama Negara ASEAN dalam merealisasikan tindakan Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan yang telah diratifikasi pada tahun 2003.



TERIMA KASIH